



# KOLEJ METHODIST KUALA LUMPUR

## NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (ALUMNI)

**KOLEJ METHODIST KUALA LUMPUR (“MCKL”)** menghargai hubungan yang berterusan dengan bekas pelajarnya (“**Alumni**”). Kami ingin mengekalkan hubungan dengan Alumni namun tetap menghormati privasi Alumni. Sila baca notis ini untuk memahami bagaimana kami memproses sebarang data peribadi Alumni yang kami menyimpan. Notis ini melengkapkan dasar privasi dan Notis Perlindungan Data Peribadi utama MCKL. .

### 1. Apakah itu data peribadi?

Data peribadi adalah maklumat (yang diperolehi secara langsung dan/atau tidak langsung) yang boleh digunakan untuk membezakan atau mengenalpasti anda, samaada secara sendiri atau digabungkan dengan data-data lain.

### 2. Apakah jenis data peribadi Alumni yang dikumpul dan diproses oleh MCKL?

Data peribadi Alumni yang kami proses mungkin termasuk maklumat-maklumat dalam kategori-kategori berikut:-

- (a) Peribadi: Nama, tarikh lahir, maklumat pengenalan (KP/passport/nombor pelajar), jantina, kewarganegaraan, kepercayaan agama, alamat, alamat emel, nombor telefon;
- (b) Pendidikan: Program yang diselesaikan (di MCKL), tahun kemasukan, biasiswa & anugerah lain, universiti kemajuan, keputusan akademik, dan pencapaian lain;
- (c) Profesional: Majikan, sebutan rasmi, pencapaian dalam industry atau bidang pekerjaan, penerbitan akedemik, karya yang diiktiraf dan lain-lain sumbangan penting kepada masyarakat;
- (d) Penglibatan: Keahlian kelab, penglibatan dalam acara-acara MCKL, sumbangan filantropi, rekod sumbangan dan maklumat kewangan, dan lain-lain data yang serupa;
- (e) Imej dan Rakaman: Gambar foto, imej-imej digital, rakaman video & audio, temuramah, dll. – sama ada di MCKL atau dari domain awam; dan
- (f) Teknologi: Data yang diperolehi semasa penggunaan platform-platform teknologi seperti laman sasawang kami, Microsoft Teams, Zoom serta sistem dan portal lain.

### 3. Bagaimana MCKL mengumpul data peribadi anda?

Kebanyakan maklumat Alumni yang disimpan dan diproses oleh kami telah dibekalkan kepada kami oleh anda. Pada mulanya, data peribadi anda dipindah dari pangkalan data rekod pelajar kami. Dari semasa ke semasa, MCKL mungkin memperoleh maklumat dari sumber lain dan/atau interaksi berterusan anda dengan kami. Sumber-sumber tersebut mungkin merangkumi yang berikut:-

- (a) Borang pengumpulan data yang dihantar oleh anda – misalnya, ketika anda mendaftar untuk acara-acara, konferensi, seminar, atau forum awam Alumni, atau menjadi sukarelawan untuk Alumni atau aktiviti lain, atau ketika melengkapkan survei atau borang lain yang dikemukakan oleh kami;



- (b) Sumber awam atau luaran lain – misalnya, media, penerbitan, universiti, laman-laman sasawang, platform-platform media sosial, platform-platform dalam talian dan media-media digital lain; dan
- (c) Sumber-sumber lain yang anda telah memberikan kebenaran untuk menzahirkan maklumat-maklumat peribadi anda (contohnya universiti, perujuk peribadi, majikan-majikan), dan/atau yang dibenarkan secara sah.

#### **4. Bagaimana MCKL menggunakan data peribadi anda?**

Secara asasnya, kami menggunakan data peribadi anda untuk berkomunikasi dengan anda dan mengekalkan perhubungan dengan anda. Kami juga mungkin memproses data peribadi anda untuk menambahbaik penglibatan dengan anda dan pengalaman keseluruhan komuniti Alumni MCKL.

Beberapa contoh pemrosesan data peribadi Alumni oleh pihak kami mungkin termasuk:-

- (a) Mengemas kini anda dengan berita dan peristiwa MCKL (seperti majalah MCKL, buletin Alumni, platform-platform media sosial, konferensi yang akan diadakan);
- (b) Membantu anda untuk terus berhubung dengan Alumni lain melalui jemputan ke perjumpaan semula Alumni, acara MCKL, siaran-siaran media sosial;
- (c) Memaklum anda mengenai kursus pengembangan profesional yang sedia ada untuk Alumni, seperti kursus pengembangan profesional berterusan, *microcredential*, dan kursus ICDL;
- (d) Menjana sokongan untuk projek-projek MCKL (contohnya sukarelawan, pengumpulan dana untuk tujuan tertentu, menawarkan nasihat penempatan profesional atau kerjaya kepada pelajar, sokongan untuk pengambilan pelajar);
- (e) Penerbitan pencapaian akademik dan pencapaian lain Alumni di laman sasawang kami, laman-laman media sosial, dan penerbitan digital atau cetakan lain;
- (f) Penyusunan statistik tanpa nama, simpanan rekod kami serta pentadbiran.

Yakinlah bahawa kami akan memproses data peribadi Alumni secara bertanggungjawab serta mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi dengan sewajarnya.

#### **5. Dalam keadaan apakah MCKL akan menzahirkan atau berkongsi data peribadi anda?**

Di MCKL, data peribadi anda hanya dikongsi dengan pekerja tertentu yang memerlukan akses untuk tujuan menyampaikan aktiviti, maklumat kemaskini dan acara lain yang tersenarai di atas kepada Alumni. Data peribadi anda hanya dizahirkan atau dikongsi dengan pihak ketiga sekiranya diperlukan untuk menyokong aktiviti yang tersenarai di atas atau apabila ditetapkan di bawah undang-undang. Harap maklum bahawa dalam beberapa keadaan, pemrosesan data peribadi boleh mengakibatkan pemindahan data peribadi anda ke luar negara (contohnya bila platform berasaskan awan digunakan dan pelayannya berada di luar negara).

Apabila data peribadi anda dizahirkan, penzahiran tersebut akan terhad hanya setakat yang diperlukan untuk memenuhi tujuan penzahiran tersebut dan kontrak berkenaan akan ditandatangani untuk meliputi penzahiran tersebut. Kami tidak menjual data peribadi Alumni kepada pihak ketiga dalam apa jua keadaan..

Contoh beberapa pihak ketiga yang kami mungkin menzahirkan data peribadi Alumni kepada adalah termaksud:-



- (a) Pihak ketiga yang dilantik oleh MCKL untuk menyediakan aktiviti berkaitan Alumni (contohnya, fasilitator konferensi, pengendali perkhidmatan perancang acara);
- (b) Hanya dari semasa ke semasa dan bila perlu, juruaudit dalaman dan luaran atau pengendali perkhidmatan lain;
- (c) Agensi-agensi penguatkuasaan, pihak-pihak berkuasa tempatan yang menjalankan tugas masing-masing, atau badan kerajaan atau pengawalselia yang memegang kuasa.

## 6. Apakah hak-hak anda?

Anda mempunyai hak-hak tertentu yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi anda. Kami akan menghormati permintaan anda untuk menghentikan atau mengurangi pemprosesan data peribadi anda. Hak-hak anda termasuk perkara-perkara berikut:-

- (a) Hak untuk menarik balik persetujuan: Anda boleh menarik balik kebenaran anda kepada kami untuk memproses data peribadi anda pada bila-bila masa. Namun, ini bermakna anda tidak akan dikemaskini mengenai berita, acara dan aktiviti Alumni, dan mungkin akan terlepas peluang untuk berhubung dengan Alumni lain, serta peluang-peluang lain yang sedia ada kepada Alumni;
- (b) Hak untuk mengakses dan membuat pembedan mengenai maklumat anda: Anda boleh meminta akses ke data peribadi anda yang disimpan oleh kami pada bila-bila masa. Anda juga boleh meminta untuk membetulkan atau mengubah maklumat anda yang tidak tepat. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data anda yang dimiliki oleh kami adalah betul dan tepat; dan
- (c) Hak untuk mengelakkan pemprosesan: Anda boleh meminta bahawa kami berhenti memproses data peribadi anda buat waktu sementara atau secara kekal, terutamanya jika pemprosesan tersebut mungkin mengakibatkan tekanan yang tidak berpatutan terhadap anda. Anda juga boleh meminta bahawa kami berhenti memproses data peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung jika anda tidak ingin menerima kandungan pemasaran atau mesej yang diperibadikan dari MCKL (sekiranya ada).

Sekiranya anda menarik balik kebenaran anda atau menggunakan hak anda untuk menghentikan pemprosesan data peribadi anda, kami tidak akan menghubungi anda pada masa akan datang mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Alumni. Namun demikian, harap maklum bahawa satu set inti data peribadi anda sebagai bekas pelajar MCKL (nama, program, ID pelajar, keputusan, butiran tamat pengajian, dll.) akan kekal disimpan sebagai sebahagian daripada rekod akademik MCKL.

Sekiranya anda ingin menggunakan mana-mana hak di atas, sila hubungi kami melalui saluran yang tertera di bawah.

## 7. Perkara-perkara Am Lain

- 7.1 Pindaan kepada Notis: Kami mungkin membuat pindaan kepada Notis ini dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan akan dimaklumkan melalui laman sesawang kami dan akaun-akaun media sosial yang berkaitan. Sebarang pindaan akan berkuatkuasa dengan serta merta setelah dipaparkan dalam laman sesawang kami.
- 7.2 Versi-versi Konflik: Sekiranya berlaku konflik antara Notis versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan menjadi versi yang memerintah.
- 7.3 Saluran Hubungan: Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin menggunakan hak-hak anda mengenai data peribadi anda, sila melengkapkan **Borang Permintaan Data Peribadi**



([Privacy Request Form](#)) dan emel kepada alamat emel Unit Penempatan Universiti dan Alumni seperti di bawah::

- Pegawai Alumni MCKL: [alumni@mckl.edu.my](mailto:alumni@mckl.edu.my)
- Nombor Telefon: +(603) 2274-6711

**Tarikh: Ogos 2021**